

Memperingati Hari Keputeraan Junjungan Kita

Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*

Bulan Rabi‘ al-Awwal yang bersejarah telah dirayakan oleh umat Islam di seluruh dunia kerana menyambut mawlidnya Junjungan kita *Sayyidunā wa Ḥabībīnā wa Shaft‘īnā* Muhammad bin Abdullah, *Khātimu al-Anbiyā’i wa al-Mursalīn, ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa ṣahbihi wa sallam*.

Seluruh umat Islam di tanah air telah menyambutnya pada tahun ini dengan lebih meriah lagi dari tahun-tahun yang sudah. Ini adalah satu alamat yang sungguh menggembirakan. Moga-moga rasa cinta kasih yang tulus ikhlas ini dapat dibuktikan dengan amalan yang lebih sempurna, iaitu berpandu kepada ajarannya, ajaran Islam yang sejati, yang kita pusakai sebagai umatnya, dan dapat memberi kesedaran supaya kita tetap setia menurut jejaknya dan akhlakunya.

(Oleh: Abu Faisal)

Demi sesungguhnya, kejayaan-kejayaan yang cemerlang, yang telah dicapai oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam* dalam segala langkah perjuangannya adalah asasnya yang terpenting sekali ialah “akhlakunya” yang mulia!

Bahkan sifat inilah yang menjadi salah satu asas agama Islam yang telah disampakannya kepada umat manusia.

Akhlak yang mulia atau budi pekerti yang terpuji inilah yang menjadi asas suatu masyarakat manusia yang aman tenteram dan ria bahagia.

Dan kerana inilah junjungan kita Saiyidina Muhammad *‘alayhi al-ṣalātu wa al-salām* telah diutus oleh Allah *‘Azza wa Jalla* menjadi rahmat bagi seluruh alam untuk membentuk umat manusia berakhlak mulia.

Tentang ini junjungan bersabda:

“Inna mā bu ‘ithtu li utammima makārima al-akhlāq!”

“Hanyasanya aku diutus untuk menyempurnakan kemuliaan-kemuliaan akhlak”.

Tetapi sebelum memimpin pengikutnya tentu sekali junjungan kita telah membentuk dirinya dengan sifat-sifat yang kepujian itu, dan tentu pula sifat-sifat yang mulia ini tidak akan tercapai jika tidak meminta pertunjuk dan hidayah daripada Allah *‘Azza wa Jalla*, dan kerana itulah junjungan sentiasa berdoa:

“Allāhumma ḥassin khuluqī, allāhumma jannibnī munkarātī al-akhlāq.”

“Ya Tuhanku: Perelokkanlah budi pekertiku, ya Tuhanku: jauhkanlah aku daripada perangai yang jahat.”

Tatkala menjawab satu pertanyaan, Sīrī ‘Ā’ishah

raḍiya Allāhu ‘anhā berkata: “*Al-Qur’ān al-Karīm* itulah

“Tuhanku telah mendidiku, lalu diperelakkan-Nya

akhlak Rasulullah.”

budi pekertiku.”

Yakni segala panduan yang terkandung di dalam Kitab

Keelokan akhlak junjungan yang telah menjadi

Suci itu telah diamalkan oleh Baginda.

contoh tauladan bagi umatnya, telah dipuji oleh Allah

Didikan dan panduan Ilāhi melalui *al-Qur’ān*

‘Azza wa Jalla dengan firman-Nya:

inilah yang menjadikan junjungan bersabda menzahirkan


“*Wa innaka la‘alā khuluqin ‘aẓīm*”

rasa syukurnya atas limpah kurnia Allah yang besar itu:

“*Sesungguhnya engkau – ya Muḥammad – adalah*

“*Addabanī rabbī fa aḥsana ta’dībī*”

berakhlak yang amat besar keelokannya dan kemuliaannya.”



Madīnah al-Munawwarah mempunyai kedudukan yang istimewa dalam dunia Islam. Bukan sahaja kerana dihiasi oleh masjid dan makam Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam*, tetapi juga kerana di Madinah inilah mula-mula terbentuknya “negara Islam”, dan dari Madinah inilah tersiarnya Islam ke seluruh alam.

Gambar menunjukkan Masjid Nabi di Madinah dengan kubahnya yang hijau berseri, dan menaranya yang menjulang tinggi.